

18 JUL 2000

Sukan-OCA/I

MALAYSIA MILIKI ANTARA KEMUDAHAN TERBAIK DI ASIA, KATA OCA

PUTRAJAYA, 18 Julai (Bernama) -- Malaysia mempunyai antara kemudahan sukan yang terbaik di Asia dan pengalamannya menganjurkan Sukan Komanwel 1998 di sini akan memberi impak kepada penawaran Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, menurut Majlis Olimpik Asia (OCA) hari ini.

Jawatankuasa Penilaian OCA, yang mengakhiri misi mengumpul maklumat selama dua hari di sini, berkata mereka berpuas hati dengan cadangan dan kemudahan Kuala Lumpur untuk menganjurkan Sukan itu.

"Kami telah mengadakan pertemuan dengan Kementerian Belia dan Sukan, pentadbir bandaraya tempatan dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan kami berpuas hati dengan jawapan yang diberikan," kata ketua delegasi Muhammad Latif Butt.

Delegasi empat anggota itu menyifatkan lawatan mereka di sini sebagai berjaya dan merasa bangga berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rombongan itu menemui Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya sebelum mengakhiri lawatan mereka dengan mesyuarat terakhir di Renaissance Palm Garden Hotel, IOI Resort, di sini.

Muhammad Latif, yang juga naib presiden OCA, berkata delegasi itu berpuas hati dengan penilaian mereka mengenai Kuala Lumpur dan mengakui bahawa dokumen penawaran Kuala Lumpur kepada OCA adalah tepat dan benar.

Tiga lagi anggota delegasi itu ialah bendahari OCA Santiparb Tejavanija, Dr Muwaffak Fawaz, pengerusi jawatankuasa sukan dan Vinod Tiwari, pengurus perhubungan antarabangsa.

Muhammad Latif, yang enggan membandingkan kemudahan yang terdapat di dua lagi bandaraya yang membuat penawaran itu -- Doha (Qatar) dan New Delhi (India)

-- yang dilawati pasukan itu sebelum ini, berkata delegasi itu akan mengemukakan hasil keputusan mereka kepada lembaga eksekutif OCA.

"Kami tidak menentukan siapa yang akan menjadi tuan rumah Sukan itu tetapi delegasi dalam keluarga OCA. Kami akan mengemukakan hasil lawatan kami itu kepada lembaga eksekutif," katanya.

Pasukan pemeriksa itu akan ke Hong Kong, bandaraya keempat yang membuat penawaran itu, esok.

Sambil menunjuk ke arah Santiparb, yang duduk bersebelahan dengannya, Muhammad Latif berkata Santiparb sendiri, seorang rakyat Thailand, dan merupakan pegawai teknikal dalam delegasi itu, berpuas hati dengan apa yang dilihatnya.

"Tugas kami adalah untuk mengemukakan hasil berdasarkan fakta berhubung kesemua bandaraya yang membuat penawaran itu kepada lembaga eksekutif OCA. Kami gembira kerana berjumpa Perdana Menteri dan ini menunjukkan bahawa kerajaan menyokong aspirasi Kuala Lumpur untuk menganjurkan Sukan itu...itu sangat penting," katanya.

Lembaga eksekutif itu akan bermesyuarat di Tashkent, Uzbekistan pada 26 hingga 28 Ogos dan semasa itu keempat-empat bandaraya yang membuat penawaran itu akan diminta membuat penyampaian mereka.

-- BERNAMA

DC AHH AKD